

**Bil. 10**

**Rabu**

**22 Mac 2017**



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

**KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## K A N D U N G A N

### UCAPAN DI BAWAH USUL BEKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Isu Kemerosotan Literasi Murid**  
– *YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar (Lembah Pantai)* [Halaman 1]
- **Status Dakwaan Penganut *Falon Gong* Dianiaya**  
– *YB. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)* [Halaman 5]

### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin bin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] - UMNO

### MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
5. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P., S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M [Sembrong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] – UMNO
11. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
12. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
14. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] - PBRS
15. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] – UPKO

16. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] – PRS
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
18. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
19. “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
21. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato’ Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
22. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
23. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan – *Senator*
24. “ Menteri Belia dan Sukan, Brig. Jen. Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K., P.G.D.K., S.M.W. [Kota Belud] – UMNO
26. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] - PBB
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
28. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
30. “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] – UMNO
31. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak – *Senator*
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] – UMNO
33. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA
34. “ Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S., S.M.W. [Titiwangsa] - UMNO
35. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P [Tanjong Karang] - UMNO

### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M. Saravanan [Tapah] – MIC
2. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO

3. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] – PBB
6. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Lee Chee Leong – *Senator*
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA
8. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan – *Senator*
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
14. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K., P.M.W. [Hulu Selangor] – MIC
16. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
18. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, , S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M., D.C.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun – *Senator*
22. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
24. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] – UMNO
25. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki – *Senator*

26. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Chong Sin Woon, D.P.S.M. – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] – UMNO
29. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Masir Kujat, P.P.B. [Sri Aman] – P.R.S., D.I.M.P
30. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] – SPDP
31. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Devamany A/L S. Krishnasamy – *Senator*
32. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wira Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K., D.G.M.K. [Jerlun] – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
34. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO

#### **AHLI-AHLI (BN)**

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] – UMNO
6. “ Dato’ Sri Haji Abdul Manan Ismail, S.S.A.P., D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
9. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
10. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
11. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
12. “ Dato’ Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] – UMNO
13. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
14. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
15. “ Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] – PBB

16. Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Keterah] - UMNO
17. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
18. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] – SPDP
19. “ Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] - UMNO
20. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
21. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
22. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K [Ranau] - UPKO
23. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
24. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
25. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
26. “ Dato’ Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P [Kuala Pilah] - UMNO
27. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] - UMNO
28. “ Dato’ Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, S.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
29. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
32. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
35. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. “ Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
38. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
39. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] – UPKO
40. “ Datin Mastura binti Tan Sri Dato’ Mohd Yazid [Kuala Kangsar] - UMNO
41. “ Dato’ Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - UMNO
42. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
43. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
44. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] – PBB
45. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
46. “ Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
47. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO

48. Yang Berhormat Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
49. “ Dato’ Dr. Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
50. “ Dato’ Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N., D.I.M.P. [Pasir Gudang] - UMNO
51. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
52. “ Datuk Seri Palanivel A/L K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] – MIC
53. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
54. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
55. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
56. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
57. “ Datuk Haji Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
58. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
59. “ Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
60. “ Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
61. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
62. “ Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
63. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
64. “ Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang] - PRS
65. “ Dato’ Sri Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
66. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
67. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
68. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
69. “ Dato’ Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] – UMNO

#### **AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. “ Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]
8. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
9. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]

10. Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
11. “ Dato' Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
12. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
13. “ Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
14. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
15. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
16. “ Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
17. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
18. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
19. “ Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]
20. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
21. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
22. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
23. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
24. “ Dato' Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
25. “ Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
26. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
27. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
28. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

#### **AHLI-AHLI (DAP)**

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. “ Dr. Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]

17. Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
27. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
28. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
29. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
30. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
31. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
32. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
33. “ Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]
34. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
35. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
36. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

#### **AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. “ Dato’ Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
9. “ Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. “ Dato’ Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. “ Dato’ Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

**AHLI-AHLI (AMANAH)**

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

**PSM**

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

**AHLI-AHLI (BEBAS)**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]
2. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]

**PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (PPBM)**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. [Pagoh]

**WARISAN**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P. [Semporna]
2. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]

**DEWAN RAKYAT**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Datuk Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Puan Lavinia A/P Vyveganathan

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi  
Alzian binti Baharudin  
Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Siti Norlina binti Ahmad  
Noraidah binti Manaf

Suriyani binti Mohd. Noh  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Nurul Atikah binti Basrudin  
Nor Effazimmah binti Maliki  
Nur Annisa binti Hamid  
Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi  
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed  
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman  
Nurul Fadhilah binti Ibharim  
Hizamihatim Maggiha bin Juara

**MALAYSIA  
KAMAR KHAS  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**

**Rabu, 22 Mac 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL  
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Isu Kemerosotan Literasi Murid**

**2.33 ptg.**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

“Kemerosotan Literasi Murid - Dicadangkan Sekolah Berasrama Penuh”. Melihat kepada kemerosotan kadar literasi murid sekolah, dianggap cadangan penubuhan sekolah berasrama rendah amat penting. Ini berasaskan pada sasaran kerajaan yang mahu mencapai kadar literasi 100 peratus menjelang tahun 2012, sedangkan capaian itu ternyata tersasar daripada sasarannya. Ini dibuktikan dengan kenyataan Menteri Pendidikan bahawa capaian itu tercapai 99 peratus dan dalam sasaran plan pembangunan Pendidikan 2013-2015, dinyatakan capaian sekadar 94 peratus sahaja.

Dari satu sudut, kenyataan Menteri Pendidikan itu tidak salah jika dipertikaikan. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua ia kelihatan bercanggah dengan fakta yang lain iaitu merujuk pada keputusan UPSR tahun 2016 yang menggunakan format baru di mana kadar pelajar yang memperoleh semua “A” seramai 4,896 orang iaitu 1.1 peratus daripada keseluruhan pelajar. Malahan lebih membimbangkan apabila jumlah pelajar yang memperoleh semua “E” adalah seramai 9,519 orang.

Justeru, bagi mengatasi perkara ini pihak kerajaan perlu bersifat proaktif, terutama pada saat kebergantungan ibu bapa dalam menghadapi masalah literasi anak-anak mereka di institusi sekolah. Antaranya seperti inisiatif satu badan kebajikan, Yayasan Aman yang menganjurkan Program Jom Baca secara sukarela yang disertai oleh anak-anak golongan *bottom 40* (B40) yang mempunyai kesukaran untuk membaca dan menulis. Program yang dianjurkan pada musim cuti sekolah Disember 2016 baru-baru ini ternyata membantu majoriti 90 peratus murid menguasai kemahiran membaca pada masa yang singkat.

Tidak sekadar itu sahaja, malahan saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan menubuhkan sekolah rendah berasrama penuh yang memberi tumpuan kepada pemulihan literasi. Malahan ia boleh menjadi platform untuk persediaan sebelum memasuki alam sekolah menengah yang dapat membantu untuk mengatasi masalah literasi dalam jangka masa panjang.

Saya menganggap ia amat penting, memandangkan hanya melalui pendidikan kita mampu melaksana mobiliti sosial yang menggerakkan masyarakat agar mampu memulih upaya sosioekonomi keluarga secara tidak langsung.

Terutama sekolah berasrama ini mempunyai kemampuan untuk merapatkan jurang pelajar bandar dan luar bandar yang mengalami masalah literasi secara seragam, malahan mobiliti sosial golongan *bottom 40* (B40) yang kian sukar kerana MRSM dan SBP kebanyakannya dipenuhi oleh anak-anak kelas pertengahan dan juga atasan.

Kementerian Pendidikan juga perlu memberi kesedaran kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak kesukaran membaca dan menulis. Masih terdapat ibu bapa khususnya daripada golongan B40 yang tidak berani tampil ke hadapan membantu anak mereka yang mempunyai masalah membaca dan menulis.

Saya berharap agar Kementerian Pendidikan mengambil pendekatan serius dan cadangan meningkatkan kadar literasi murid sekolah dapat diperkasakan, *insya-Allah* khususnya murid daripada keluarga *bottom 40* (B40), miskin bandar dan pedalaman yang memerlukan sokongan dan perhatian sepenuhnya dalam aspek pendidikan. Terima kasih.

### 2.38 ptg.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai kerana membangkitkan isu kemerosotan literasi murid dan cadangan sekolah berasrama rendah. Pada kesempatan ini, izinkan saya menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Pelan Pembangunan Pendidikan (PPPM) 2013-2015 telah menetapkan enam aspirasi murid bagi membangunkan murid secara holistik agar mempunyai daya saing yang tinggi serta mampu menangani cabaran global. Pelbagai dasar dan program pendidikan dibangunkan bagi memastikan aspirasi pendidikan tersebut mencapai matlamatnya. Dalam aspek penguasaan literasi murid, KPM telah membuat penambahbaikan kepada Program Saringan Literasi dan Numerasi (*Literacy and Numeracy Screening Programme- LINUS*). Program LINUS telah dilaksanakan sejak tahun 2010 di seluruh negara bagi membantu murid-murid sekolah rendah daripada Tahun 1 sehingga Tahun 3 menguasai kemahiran literasi bahasa Melayu dan numerasi.

KPM masih memberi fokus kepada usaha mengatasi peratusan kecil murid yang belum menguasai asas literasi. Pandangan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan berlakunya kemerosotan kadar literasi murid adalah tidak tepat. Kadar literasi bahasa Melayu menunjukkan trend peningkatan daripada 80.3 peratus tahun 2014 (Tahun 1), kepada 91.9 peratus tahun 2015 (Tahun 2) dan 98.6 peratus tahun 2016 (Tahun 3). Kadar numerasi juga menunjukkan peningkatan bagi kohort yang sama iaitu 87.0 peratus pada tahun 2014 (Tahun 1); kepada 94.9 peratus pada tahun 2015 (Tahun 2); dan 99 peratus pada tahun 2016 (Tahun 3).

Data ini membuktikan melalui program LINUS, KPM telah berjaya mengurangkan peratusan murid yang belum menguasai asas literasi dan numerasi berbanding sebelum program LINUS diperkenalkan pada tahun 2010. Program LINUS berjaya meningkatkan kadar celik huruf dalam kalangan murid yang tidak mempunyai masalah kesihatan di negara ini dan usaha ini akan diteruskan dengan penambahbaikan secara berterusan.

KPM telah memantapkan program LINUS 2.0 mulai tahun 2013 untuk mencapai sasaran 100 peratus murid menguasai asas literasi kecuali murid yang berkeperluan khas. Dalam Program LINUS 2.0, diperluaskan skop program tersebut dengan memasukkan bahasa Inggeris dalam komponen literasi untuk dikuasai oleh murid-murid Tahap 1 sebelum mereka memasuki Tahap 2 di sekolah rendah. Program ini sejajar dengan Anjakan Kedua PPPM iaitu 'Memastikan murid menguasai Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris' di samping menguasai bahasa tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2017, Program LINUS 2.0 telah dilaksanakan mengikut jadual masa yang ditetapkan. Saringan 1 LINUS 2.0 literasi bahasa Melayu bagi lisan dan bacaan diadakan pada 1 Mac hingga 7 April 2017 secara berperingkat-peringkat. Manakala pelaksanaan Ujian 1 Instrumen Penentu Penguasaan Membaca dan Menulis (IPP2M) dan Instrumen Kemahiran Asas Matematik (IKAM) untuk Program Pemulihan Khas Tahap 2 diadakan pada 26 Mac hingga 12 April 2017.

Di samping itu, KPM mengambil langkah proaktif dengan pelaksanaan rintis Kelas Intensif Tiga Bulan (KIT B) bagi murid Tahun 2 Program LINUS 2.0 tahun 2017. Murid-murid yang berada di kelas intensif ini akan menjalani pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas sebagai fokus kepada peningkatan penguasaan kemahiran literasi dan numerasi mereka. Usaha ini jelas menunjukkan KPM amat serius untuk memastikan semua murid Tahap 1 dan Tahap 2 menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira sebelum mereka memasuki menengah rendah.

KPM turut melaksanakan Program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) bagi kesinambungan program LINUS 2.0. Program Nilam ini menyasarkan jumlah pembacaan buku murid dalam setahun. Bagi tahun 2016, penglibatan keseluruhan murid dalam program NILAM ialah sebanyak 91.5 peratus murid iaitu 4,460,019 orang murid. Purata kadar pembacaan murid-murid yang dipantau melalui program NILAM di seluruh negara bagi sekolah rendah adalah 1:20 buah buku. Ini jelas membuktikan KPM sangat menitik beratkan kemahiran murid dalam menguasai literasi bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2016, tidak boleh dijadikan kayu pengukur kegagalan literasi murid. Perlu saya tegaskan bahawa hasrat transformasi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) adalah untuk memastikan perkembangan murid secara menyeluruh, seimbang dan sepadu. Calon peperiksaan UPSR tahun 2016 merupakan kohort pertama yang telah mengikuti KSSR dan melalui PBS sejak berada di Tahun 1 iaitu mulai tahun 2011.

Oleh itu kemenjadian calon UPSR ini perlu dilihat secara bersepadu dengan keputusan UPSR 2016 ini bersama-sama laporan Pentaksiran Sekolah (PS), Pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dan Pentaksiran Psikometrik yang dikeluarkan oleh pihak sekolah. Tambahan pula UPSR 2016 menggunakan format baharu dengan diserapkan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Manakala Program LINUS 2.0 mengukur asas literasi serta numerasi dan tidak mengukur penguasaan standard bahasa Melayu yang ditetapkan dalam sukatan kurikulum bahasa Melayu untuk UPSR.

KPM sentiasa mengalu-alukan semua pihak termasuk ibu bapa, komuniti, badan bukan kerajaan dan sektor swasta yang mempunyai kepakaran bersama-sama KPM membantu murid mengatasi masalah penguasaan literasi dan numerasi. Sesungguhnya tugas ini bukan terletak pada bahu KPM semata-mata, tetapi semua pihak perlu sama-sama berganding bahu berusaha mencapai hasrat agar murid menguasai asas literasi dan numerasi tanpa mengira golongan dan lapisan masyarakat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM melalui Anjakan 9 PPPM 2013 - 2025 iaitu 'Bekerjasama dengan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta', mengiktiraf pembelajaran di luar lingkungan sekolah dan boleh berlaku di rumah dan dalam komuniti. Justeru, sekolah kini telah mula menyediakan persekitaran yang kondusif untuk jalinan hubungan kerja positif antara sekolah dengan ibu bapa dan komuniti. KPM telah menyediakan sarana (*toolkits*) ibu bapa dan sarana sekolah sebagai panduan dan mekanisme kepada ibu bapa untuk berperanan dalam meningkatkan pembelajaran anak.

Sarana ini menyediakan instrumen bagi ibu bapa untuk mengetahui atau menilai tahap pelibatan mereka dalam membantu meningkatkan pembelajaran murid termasuk kemahiran literasi. Seterusnya ibu bapa diberikan panduan dalam mendidik anak-anak dengan adanya contoh-contoh amalan terbaik. Ibu bapa juga boleh menghubungi pihak sekolah untuk membantu ibu bapa dalam mendidik anak khususnya dalam aspek akademik.

Biro Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) telah diwujudkan di setiap sekolah untuk membantu ibu bapa termasuk ibu bapa yang mempunyai anak lemah literasi, melalui perkongsian buah fikiran dan menangani setiap isu di bawah struktur Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sedia ada. KSIB ialah saluran kerjasama dan komunikasi untuk merapatkan hubungan di antara ibu bapa, murid dan sekolah. Melalui KSIB lebih banyak interaksi, kerjasama perkongsian dan percambahan ilmu dapat berlaku. Selain itu, di bawah struktur PIBG juga diwujudkan Biro Maklumat untuk dijadikan medan komunikasi penyebaran maklumat di antara pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat.

Bagi membanteras buta huruf dalam kalangan ibu bapa Orang Asli, KPM juga memperkenalkan Kurikulum Kelas Dewasa bagi Ibu Bapa Murid Orang Asli dan Penan (KEDAP) yang telah mula dilaksanakan pada Mac 2008 dan masih diteruskan. Pada tahun ini, sejumlah peruntukan telah diturunkan kepada sekolah terpilih untuk melaksanakan program ini mulai April 2017. Dua modul iaitu Modul Kemahiran Membaca dan Menulis dan Modul Kemahiran Mengira serta Kurikulum KEDAP yang bersifat komuniti dan mengambil budaya setempat serta didasari Prinsip Pembelajaran Orang Dewasa dan Teori Andragogi telah disediakan. Penambahbaikan telah dilakukan terhadap kurikulum dan Modul KEDAP iaitu dengan memasukkan kemahiran asas bahasa Inggeris dan kemahiran asas Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Program KEDAP ini secara tidak langsung membantu meningkatkan kadar literasi murid-murid Orang Asli dan Penan.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan sekolah berasrama penuh (SBP) dipenuhi anak-anak kelas pertengahan dan golongan atasan juga tidak tepat. SBP diwujudkan untuk meningkatkan keterampilan, daya saing dan kepimpinan murid ke arah melahirkan modal insan berkualiti dan menyediakan 70 peratus tempat kepada murid luar bandar dan murid daripada keluarga isi rumah B40 dari seluruh negara.

Berhubung cadangan Ahli Yang Berhormat untuk penubuhan sekolah berasrama rendah, KPM belum mempunyai perancangan ke arah itu. KPM berpandangan adalah tidak wajar untuk menempatkan murid-murid yang belum menguasai literasi di Tahap 1 dan Tahap 2 di sekolah berasrama rendah. Tambahan pula, kanak-kanak yang berumur antara 7 tahun hingga 12 tahun masih memerlukan perhatian, didikan dan kasih sayang daripada ibu bapa dan keluarga. Pada peringkat umur begini, asas kekeluargaan yang utuh perlu dipupuk serta perkembangan rohani kanak-kanak perlu dijadikan keutamaan bagi memastikan tumbesaran kanak-kanak tidak terganggu.

KPM turut mempunyai agenda untuk merapatkan jurang bandar dan luar bandar melalui pelbagai program yang dilaksanakan pada peringkat sekolah, daerah dan negeri. Dalam Gelombang 1 (2013-2015) pelaksanaan PPPM telah membantu sekolah di luar bandar mencapai peningkatan yang memberangsangkan. Oleh itu, kementerian akan terus melaksanakan inisiatif bagi melonjakkan prestasi sekolah khususnya di luar bandar.

Antara program yang menumpukan kepada merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar ialah Program Transformasi Daerah (DTP). DTP akan berusaha untuk memacu peningkatan sekolah melalui Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) dan Rakan Peningkatan Sekolah (SIPartner+). Tumpuan adalah ke arah peningkatan sekolah dengan prestasi paling lemah. Di samping itu, Program kepada murid berkeperluan khusus juga dilaksanakan. Antara program yang dilaksanakan bagi kumpulan berkeperluan khusus ialah Transformasi Pendidikan Orang Asli, Luar bandar dan Pedalaman dan Pendidikan Khas.

Kesimpulannya, KPM sentiasa berusaha memastikan inisiatif meningkatkan literasi dilaksanakan mengikut jadual masa dan perancangan yang ditetapkan. Objektif pelaksanaan LINUS 2.0 adalah jelas untuk membolehkan murid-murid menguasai kemahiran literasi dan numerasi sebelum melangkah ke menengah rendah. Dalam masa yang sama, KPM turut melaksanakan inisiatif untuk mengurangkan jurang pencapaian pendidikan di negara ini.

KPM yakin dengan kerjasama semua pihak yang prihatin dan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan, aspirasi murid dapat dicapai dengan lebih cepat. KPM ingin mengucapkan terima kasih kepada pendidik, ibu bapa dan ahli masyarakat yang telah bekerjasama dalam menjayakan visi pendidikan sebagai wadah pembangunan murid yang holistik dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sekian. Terima kasih.

■1440

### Status Dakwaan Penganut *Falon Gong* Dianiaya

2.53 ptg

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah dakwaan bahawa *Falon Gong* sedang dianiaya benar. Wujudnya laporan-laporan yang mengatakan bahawa beberapa ribu penganut *Falon Gong* telah ditangkap dan dipenjarakan oleh Kerajaan Negara China sejak tahun 1999 selepas gerakan *Falon Gong* diharamkan dan diperjenayahkan oleh Kerajaan Negara China. Ada juga pihak-pihak yang mendakwa bahawa beberapa ratus penganut *Falon Gong* yang dipenjarakan telah pun dibunuh supaya anggota badan mereka umpamanya buah pinggang, hati *liver* dan kornea dapat dipakai dalam rawatan pesakit yang memerlukan anggota organ tersebut.

Dakwaan seperti ini adalah terkandung dalam beberapa buah buku termasuk "*Bloody Harvest: Organ Harvesting of Falon Gong Practitioners in China*" yang dikarang oleh David Matas dan David Kilgour, dua orang peguam hak asasi manusia di negara Kanada. Ikut laporan mereka, pemindahan anggota organ *transplant* merupakan satu perkhidmatan perubatan yang membawa pendapatan berjuta-juta ringgit di hospital-hospital terlibat.

Memandangkan ramai warga Malaysia dengan penyakit buah pinggang, penyakit hati dan penyakit mata pergi ke negara China untuk rawatan pemindahan anggota *transplant*, adakah penting kita mengetahui kesahihan dakwaan-dakwaan bahawa wujudnya amalan memakai anggota banduan *Falon Gong* sebagai punca anggota. Ini kerana kita harus mengelak daripada mengambil bahagian dalam amalan serupa ini yang berkaitan dengan pembunuhan orang tahanan.

Adakah Kerajaan Malaysia pernah menjalani penyelidikan terhadap dakwaan ini? Jika belum, mengapa? Adakah kerana tidak pernah dengar dakwaan seperti ini? Jika sudah melaksanakan penyelidikan, apakah hasilnya?

Penjelajahan pesakit yang memerlukan pemindahan anggota ke negara China dan juga ke India adalah oleh kerana rawatan yang sama tidak diperoleh di negara kita kerana kekurangan penderma anggota organ *donor*. Apakah anggaran kerajaan terhadap bilangan pesakit Malaysia yang memerlukan pemindahan buah pinggang, hati dan kornea mata dalam tahun 2016? Berapakah bilangan pembedahan pemindahan yang dilaksanakan di Malaysia pada tahun lalu? Apakah cadangan kerajaan untuk meningkatkan bekalan anggota yang diperlukan? Adakah pendirian kerajaan terhadap polisi negara Singapura di mana semua rakyat dianggap sebagai penderma kecuali mereka yang menyatakan secara bertulis bahawa mereka tidak mahu menyertai program menderma anggota. Terima kasih.

2.56 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj, Yang Berhormat Sungai Siput.

Tuan Yang di-Pertua isu berkaitan dengan organ daripada penganut *Falon Gong* secara paksa di China telah dibawa kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia pada bulan November 2013. Di mana Pejabat Menteri Pendidikan 2 telah menerima surat rayuan untuk menandatangani *Petition to the United Nations Human Rights High Commissioner Calling for an Immediate End or False Organ Harvesting from Falon Gong Practitioners in China* daripada *Doctor Against Force Organ Harvesting*.

Walau bagaimanapun, kesahihan berkenaan dakwaan terhadap pengikut *Falon Gong* tersebut tidak dapat disahkan oleh KKM. KKM tidak menggalakkan pesakit yang mengalami kegagalan organ tahap akhir untuk keluar negara bagi menjalani pemindahan organ kerana Malaysia adalah salah satu daripada 100 negara anggota yang telah menandatangani *declaration of Istanbul* semasa *Istanbul Summit on Organ Trafficking and Transplant Tourism* yang telah diadakan pada 30 April hingga 1 Mei 2018 di Istanbul Turki.

Peletakan deklarasi ini Malaysia tidak menyokong sebarang aktiviti transplantasi yang berpotensi untuk mengeksploitasi golongan yang berdaya taraf sosioekonomi yang rendah termasuklah perolehan organ daripada banduan yang dijatuhkan hukuman mati. Ini adalah bertentangan dengan etika perubatan dan nilai-nilai kemanusiaan selain berisiko terhadap pesakit itu sendiri. Memandangkan identiti sebenar penderma dan tahap kesihatannya tidak dapat dipastikan.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Disember 2016 terhadap seramai 21,205 orang pesakit yang sedang berada di dalam senarai menunggu. Daripada jumlah ini seramai 21,084 orang adalah pesakit buah pinggan, 77 orang pesakit hati *liver*, lima pesakit jantung, empat pesakit paru-paru dan lima pesakit jantung dan paru-paru. Pada tahun 2016, sebanyak 47 pembedahan *transplant* organ telah dijalankan di Malaysia iaitu sebanyak transplantasi buah pinggang dan satu transplantasi hati. Manakala sebanyak 263 *transplant* kornea telah dijalankan pada tahun 2015. Untuk tahun 2016 sebanyak 180 kes *transplant* kornea telah dilaporkan pada *National Transplant Registry*.

Pihak KKM telah berusaha untuk mempertingkatkan lagi bilangan organ di Malaysia dengan merangka pelan strategik Kempen Pendermaan Organ pada tahun 2012. Antara strategi yang digariskan bagi memperkukuhkan aktiviti kempen dan promosi berkaitan pendermaan organ ialah mewujudkan kerjasama dengan pihak IPTA dan IPTS, agensi-agensi kerajaan yang lain, badan bukan kerajaan dan sektor swasta serta penggunaan media masa, media sosial sebagai saluran sebaran maklumat.

Pendirian kerajaan terhadap polisi negara Singapura adalah ia masih kurang sesuai untuk dilaksanakan di Malaysia buat masa ini. Ini adalah kerana penerimaan rakyat Malaysia terhadap pendermaan organ masih berada pada tahap yang rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju yang lain termasuk Singapura. Pihak kementerian ada menjalankan serantau awam di atas talian sebagai sebahagian proses penggubalan draf Rang Undang-undang Transplantasi Organ Tisu dan Sel pada tahun 2012. Hasil maklum balas yang diperolehi, 62.2 peratus responden tidak bersetuju dengan cadangan untuk menjadikan sistem *opt-out* baru-baru ini sebagai polisi di negara ini.

Justeru pihak kementerian berpendapat bahawa sistem *opt-in* sedia ada perlu diteruskan tetapi pada masa yang sama program-program bagi mempertingkatkan kesedaran serta memberi informasi yang tepat kepada masyarakat perlu dipergiatkan. Pihak kementerian ingin menyeru kepada pemimpin masyarakat sebagai *role model* untuk turut sama menyokong inisiatif yang dibuat dengan membantu, menyebarkan informasi dan kepentingan isu ini kepada semua lapisan masyarakat di Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Khamis, 23 Mac 2017.

**[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 3.01 petang]**